

Sukan

'Senjata' sulit silat Singapura

Pesilat nasional dapat rakan berlawan dari Indonesia bagi perhalusi persiapan kejohanan dunia dan Sukan SEA 2017

► **NORMAN SAWI**
normans@sph.com.sg

PESILAT negara kini tidak lagi perlu menjelajah jauh bagi mencari rakan *sparing* atau lawan yang handal bagi menguji keupayaan dalam latihan.

Sejak akhir tahun lalu, Persekutuan Silat Singapura (Persisi) telah mendapatkan khidmat tiga pesilat dari Indonesia – Yudhi Purwadiono, 29 tahun; Rizky Ramdani, 24 tahun; dan Ollyn Sumendap, 28 tahun – bagi membantu pesilat negara memperhalusi teknik dan meningkatkan keupayaan.

Penambahan itu menjadikan jumlah staf dari Indonesia di Persisi sebanyak lima, termasuk jurulatih seni Muhamad Hamdi dan jurulatih tanding Muhammad Fiqri.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persisi, Sheik Alau'ddin Yaacob Marican, kehadiran tiga pesilat dari Indonesia itu menambah keupayaan pesilat setempat dalam persiapan memburu emas di Sukan SEA tahun depan dan selanjutnya.

"Sebelum ini, pesilat kami bergasak semasa sendiri... tetapi kehadiran Yudhi, Rizky dan Ollyn memberi pesilat peluang beraksi dengan lawan yang bukan rakan sepasukan mereka.

"Ini menimbulkan keadaan yang lebih serupa dengan keadaan semasa pertandingan," ujar Sheik Alau'ddin.

Menurutnya, pesilat yang dipilih ialah siswazah jurusan Sains Sukan dari Universitas Negeri Jakarta dan berpengalaman dari segi bertanding.

Rizky dan Ollyn pernah menjuarai pertandingan silat setempat, sementara Yudhi, yang berasal dari Bekasi, sebuah kota di Jawa Barat, pernah mewakili Indonesia di gelanggang antarabangsa.

Malah beliau pernah bersemuka dan menewaskan juara dunia Muhammad Shakir Juanda di Kejohanan Dunia 2010 di Jakarta, Indonesia.

Menurut Yudhi, beliau berharap dapat berkongsi pengalaman dan memberi sumbangan terbaik kepada pesilat Singapura.

"Pesilat di sini mempunyai teknik yang baik dan matang, walau ramai yang masih menuntut, masih muda.

"Saya jangka masa depan cerah buat mereka," ujarnya.

Buat masa ini, pesilat nasional sedang giat menjalani latihan dan bertanding sebagai persiapan bagi Kejohanan Pencak Silat Dunia akhir tahun ini dan Sukan SEA tahun depan.

Lima pesilat nasional iaitu juara dunia Sheik Farhan Sheik Alau'ddin; juara dua Sukan SEA, Muhammad Nur Alfian Juma'en, Muhammad Shakir Juanda, Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin, M dan Nurul Suhaila Mohd Saiful; dalam perjalanan pulang dari Vorden-



DARI INDONESIA: (Dari kiri) Yudhi, Ollyn dan Rizky membantu pesilat nasional sebagai rakan berlawan dalam latihan. – Foto ZAINAL YAHYA

steynstraat, Belgium, selepas beraksi dalam Kejohanan Pencak Silat Terbuka Belgium ke-21 hujung minggu lalu.

Pesilat nasional juga bakal terlibat dalam tiga kejohanan pencak silat di Indonesia bulan ini – Terbuka Mahasiswa Antarabangsa (10-16 Mei), Terbuka Satrialaga (20-22 Mei) dan Piala Paku Bumi PPS (22-25 Mei).

Bercakap kepada *Berita Harian* baru-baru ini, Nur Alfian, yang juga kapten pasukan nasional, meluahkan harapan agar rakan sepasukannya dapat meneruskan rentak yang dibina selama ini sehingga akhir tahun.

"Kami harap berada dalam keadaan sebaik-baiknya apabila pertandingan tiba nanti," ujar Nur Alfian.